

“Harapan orang benar akan menjadi sukacita, tetapi harapan orang fasik menjadi sia-sia.”

Amsal 10:28



Ayat Suci Minggu ini:

Zefanya 3: 14-18

Mazmur – Yesaya 12: 2-6

Filipi 4: 4-7

Lukas 3: 10-18

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 50/2024

Kita hanya boleh bersukacita apabila hati kita dipenuhi dengan rasa syukur. Apakah yang sepatutnya menjadi sifat dalaman kita? Santo Paulus memberitahu kita supaya jangan takut, dan jangan bimbang kerana ‘Tuhan sudah dekat.’ Dia akan membawa damai yang mengatasi segala-galanya yang kita ketahui. Ini memberi kita setiap alasan untuk memohon dalam kesyukuran, dan berdoa sentiasa dengan rasa syukur.

Bagaimanakah sukacita sebenar boleh berlaku? Dengan mengosongkan diri seseorang, sama seperti Bapa yang mengosongkan DiriNya kerana kasih kepada AnakNya. Dan untuk Yesus mengosongkan DiriNya daripada kasih kepada BapaNya. Pengosongan kasih yang gemilang ini menghasilkan Peribadi Ketiga Tritunggal, yakni Roh Kudus.

Yohanes Pembaptis memberi kita beberapa contoh konkrit. Tiga kali, ditanya kepadanya: ‘Apakah yang harus kami perbuat?’ Kepada setiap kumpulan, Yohanes mengingatkan mereka untuk bertindak adil dan melakukan apa yang betul. Jika seseorang mempunyai jubah tambahan, kongsi dengan yang tidak mempunyainya. Pemungut cukai tidak boleh mengenakan cukai lebih daripada yang sepatutnya. Dan kepada askar Roma, Yohanes menasihati mereka untuk tidak menyalahgunakan kedudukan mereka.

Soalan yang sama diajukan kepada kita, ‘Apa yang harus saya perbuat?’ Bagaimanakah saya mengosongkan diri? Mungkin, kita berdoa untuk rahmat supaya dapat melepaskan dan membiarkan Allah mengawal. Semoga Roh Tuhan berada di atas kita, supaya dengan pengurapanNya, kita dapat terus menjadi saluran rahmat dan membawa khabar gembira kepada orang miskin. Mesej pertobatan Yohanes mesti terus bergema di dalam hati kita semasa kita berusaha untuk berpaling dari dosa dan menjalani kehidupan yang penuh rahmat, berdoa sentiasa dengan rasa syukur kepada Tuhan kita yang mengosongkan diriNya sepenuhnya untuk keselamatan kita. Untuk tujuan ini, maka, kita menantikan kedatangan Juruselamat kita, Yesus Kristus.

Bersukacitalah! ✨

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEW WAY OF BEING CHURCH

15 Desember 2024
Hari Minggu Adven Ke-3

newbee

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :
MERAHKAN, MENDENGAR DAN BERJALAN BERSAMA DALAM SEMANGAT
PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI (MATIUS 5:13-16).

FOKUS BULANAN PENZIARAH HARAPAN

Berdoa Dengan SYUKUR

Apabila kita mengalami sukacita, kita mengalami Allah kerana peribadiNya adalah Sukacita. Maka, ketika Sukacita memenuhi udara pada Minggu Gaudete ini dan kita menghapuskan suasana Adven yang suram, kita menyeru semua orang untuk bersorak sukacita dan menyanyi dengan gembira. Inilah nasihat Zefanya kepada anak perempuan Sion kerana Tuhan telah menyingkirkan hukuman yang jatuh atasmu, telah menebas binasa musuhmu. Pemazmur dengan nyanyian sukacita menyanyikan bahawa dengan Allah di tengah-tengah mereka, orang ramai berseru dengan sukacita.

